

Wujudkan kekayaan sejagat — Mahathir

Oleh ABDULLAH HAMID
dan ROZAMAN ISMAIL

PULAU PINANG 13 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa semua negara mengorak langkah ke arah mewujudkan satu sistem kekayaan bersama sejagat yang berasaskan kepada prinsip kemakmuran kerjasama.

Perdana Menteri berkata, dengan tamatnya Perang Dingin, buat pertama kalinya dalam sejarah manusia, dunia mempunyai peluang bagi mewujudkan satu sistem ekonomi yang tunggal.

Kata beliau, ia merupakan perjuangan dan minda baru yang mana semua negara khususnya di Asia Pasifik perlu menyertainya.

Dr. Mahathir berkata peluang untuk mewujudkan sistem ekonomi dunia yang tunggal tidak dapat dielakkan dengan peralihan masa dan pengaruh-pengaruh sejagat.

“Apa yang perlu dilakukan

oleh sebuah kepimpinan yang berpandangan jauh dan bijak ialah memastikan wujudnya sistem sedemikian secepat mungkin supaya kemakmuran dapat dinikmati oleh setiap individu.

“Kita perlu memastikan wujudnya satu masyarakat dunia yang makmur,” katanya dalam ucapan dasar pada Dialog Pasifik di sini hari ini.

Dialog Pasifik itu disertai oleh 44 peserta termasuk enam senator Amerika dan 12 pemerhati yang mewakili Australia, Brunei, Hong Kong, Jepun, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat.

Ia diadakan dua hari bermula hari ini. Esok Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan menyampaikan ucapan di jamuan tengah hari.

Dr. Mahathir menggesa mereka berusaha untuk membawa dan memujuk masyarakat dunia dalam menyumbang kepada kewujudan rantau Asia Timur yang makmur.

■ Lihat muka 2

Wujudkan kekayaan sejagat — Mahathir

“Ia bukan sahaja baik untuk rantau ini tetapi juga kepada masyarakat seluruh dunia.

“Kita mesti berusaha untuk mewujudkan satu order baru dunia yang teguh berasaskan kepada kemakmuran bersama serta saling faham-memahami dan hormat-menghormati antara satu sama lain,” katanya.

Perdana Menteri berpendapat, Malaysia perlu memastikan terdapat kemakmuran yang sama bagi setiap orang di dunia ini seberapa yang boleh sambil menekankan perlunya usaha-usaha dilakukan ke arah itu.

Beliau menggariskan tiga perkara utama yang boleh menolong untuk menjurus ke arah pembentukan kekayaan bersama tersebut.

Yang pertama, katanya, semua negara yang diwakili di persidangan ini mesti mempunyai pemikiran serta perjuangan dan menyertai gerakan ini dan sama-sama bekerja ke arah itu.

Dr. Mahathir berkata perkara kedua ialah mengalu-alu, berhubung, memujuk dan menarik semua negara di dunia bagi mewujudkan Asia Timur yang makmur.

“Ini bukan baik untuk

Asia Timur sahaja, malah ia akan memberikan kebaikan kepada dunia seluruhnya,” tegasnya.

Yang ketiga, katanya, ialah mewujudkan tata baru dunia yang tidak sahaja berasaskan kemakmuran bersama sebaliknya juga berlandaskan saling persefahaman dan hormat-menghormati.

Walaupun terdapat komitmen untuk membuka atau meluaskan dasar keserantauan yang mesti dilakukan, Perdana Menteri berkata, setiap rantau mempunyai hak untuk menubuhkannya dan bekerjasama di kalangan mereka.

“Setiap negara serantau tentunya mempunyai tanggungjawab untuk bekerjasama dan dengan itu menyumbang ke arah kejayaan yang terbuka,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, beliau tidak menentang keserantauan kerana sebagai anggota ASEAN selepas suku abad, pakatan itu telah membawa banyak manfaat dan kesaksamaan di kalangan anggotanya secara tidak langsung.

“Kita tidak sahaja dapat mewujudkan komuniti yang aman dan kestabilan tetapi juga komuniti yang terikat mengotakan

keserantauan terbuka,” katanya.

Menurutnya, inilah yang cuba dibuat di kalangan negara-negara ASEAN untuk Asia Tenggara yang lebih besar, supaya masing-masing negara dapat mencapai kemakmuran melalui dasar kemakmuran bersama jiran.

Sekiranya dasar begini diamalkan dan ideologi berkongsi kemakmuran dipakai dengan sungguh-sungguh, beliau yakin abad yang kedua puluh satu akan menjadi abad yang agung, era kemakmuran kepada semua manusia.